



## **JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**MENCEGAH HIV DAN AIDS TANGGUNGJAWAB UMMAH**

**Tarikh Dibaca :**

**16 Rabiulakhir 1441H/  
13 Disember 2019M**

**Disediakan oleh :**

**Cawangan Khutbah dan Latihan  
Bahagian Pengurusan Masjid  
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**MENCEGAH HIV DAN AIDS TANGGUNGJAWAB UMMAH**

13 Disember 2019M/ 16 Rabiulakhir 1441H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، تَحْمِدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهَتَّدُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.  
أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، أَللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلَّهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَاهُ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَنْفَقُوا فِي سَيِّلٍ



اللَّهُ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى النَّهْلَكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

**Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,**

Marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita dibangkitkan bersama golongan yang memperoleh kejayaan hakiki di akhirat kelak.

Bersempena dengan Hari AIDS Sedunia pada 1 Disember, mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk, “**Mencegah HIV Dan AIDS Tanggungjawab Ummah**”.



## **Sidang Jemaah yang berbahagia,**

Dalam kita menjalani kehidupan sebagai manusia di atas muka bumi, kita tidak akan terlepas daripada pelbagai cubaan dan dugaan. Kadang-kadang kita diuji dengan kesenangan dan nikmat, ada kalanya kita diuji dengan kesusahan dan musibah. Begitu juga ada dalam kalangan kita diuji dengan serangan penyakit berbahaya yang melemahkan seperti jangkitan virus HIV dan penyakit AIDS serta penyakit berbahaya yang lain. Kesemua ujian-ujian ini menuntut kita agar berfikir dan merenung sejenak tentang hakikat kekuasaan Allah SWT dalam mengatur kehidupan di dunia ini.

Namun begitu, Allah SWT telah menetapkan sunnahnya iaitu segala musibah dan bencana yang berlaku kepada manusia adalah akibat keingkaran mereka dalam melaksanakan segala suruhan dan menghindari larangan Allah SWT. Justeru, Allah SWT telah memberikan peringatan kepada manusia supaya jangan sesekali mengundang kebinasaan. Firman Allah SWT menerusi surah al-Baqarah, ayat 195:

Bermaksud: “*Dan belanjakanlah (harta bendamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan dan berbuat baiklah kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berusaha memperbaiki amalannya.*”

Berdasarkan ayat tersebut, kebinasaan itu hakikatnya berpunca dari diri mereka sendiri yang mengingkari ketetapan Allah SWT. Di sisi yang lain, Allah SWT memelihara golongan yang berbuat baik dan menuruti segala titah perintahNya.

## **Hadirin Jumaat yang dikasihi sekalian,**



AIDS ialah sindrom kurang daya tahan penyakit yang disebabkan oleh virus HIV. Ia boleh dijangkiti melalui berbagai cara yang melibatkan pemindahan cecair badan seperti darah, air mani, cecair faraj dan susu ibu. Asalnya penyakit ini tidak pernah dikenali oleh generasi terdahulu, namun ia mula dikesan apabila pengambilan dadah berleluasa dan merebak melalui perkongsian jarum suntikan oleh para penagih.

Gejala penularan virus HIV dan penyakit AIDS terus meningkat disebabkan perlakuan maksiat seperti seks bebas, hubungan songsang dan luar tabi'i. Benarlah firman Allah SWT dalam surah al-Rum, ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْأَرْضِ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبُتُ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذْيِقُهُمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُواْ لَعَلَّهُمْ يَرَجِعونَ

٤١

Bermaksud: “*Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia, (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).*”

Menyedari akan hal ini, umat Islam tidak wajar duduk berdiam diri dengan membiarkan perkara ini berlaku. Kita bertanggungjawab memelihara diri, keluarga dan masyarakat daripada terjerumus ke lembah kebinasaan ini. Apalah maknanya kemajuan dan pembangunan yang kita capai serta banggakan andai hidup kita diancam penyakit berjangkit seperti AIDS.

### **Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,**

Dalam usaha menangani hal ini, kita tidak mempunyai pilihan selain mengembalikan semula masyarakat kepada ajaran Islam yang sebenar.



Islam sebagai agama yang membawa rahmah kepada seluruh manusia dan sekalian alam telah membawa serta membimbing manusia agar menjalani hidup yang bersih, sihat dan terpelihara. Justeru, Allah SWT telah memberikan peringatan menerusi surah al-Isra', ayat 32:

وَلَا تَقْرُبُوا الْزِنَّةِ إِنَّهُ كَانَ فَحْشَةً وَسَاءَ سَيِّلًا ﴿٣٢﴾

Bermaksud: “*Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).*”

Demikianlah cara pencegahan yang dianjurkan Islam. Kita perlu beristiqamah menjalani kehidupan sebagai seorang muslim sebenar; menjaga kewarasan akal dengan tidak mengambil dadah, mengelakkan maksiat serta menjauhi zina, liwat dan lesbian. Inilah cara yang terbaik untuk melindungi diri dan masyarakat daripada semua penyakit berbahaya.

### **Para tetamu Allah yang dirahmati,**

Bagi golongan penghidap virus HIV dan penyakit AIDS, jika ia berpunca daripada kesilapan lalu, ketahuilah bahawa Allah SWT sentiasa membuka pintu taubatNya dan menawarkan keampunan kepada hamba-hambaNya yang menyesal dan insaf. Jalanilah hidup dengan menjadi hamba Allah yang soleh dan bermanfaat kepada ummah.

Manakala bagi mereka yang menjadi mangsa akibat jangkitan, janganlah berputus asa dengan rahmat Allah SWT. Kita hendaklah bersabar dan redha serta terus berikhtiar menjalani rawatan. Semoga Allah SWT mengurniakan



kesembuhan dan memelihara zuriat keturunan kita daripada penyakit berbahaya ini.

Dalam menyantuni golongan penghidap virus HIV dan penyakit AIDS ini, umat Islam diseru agar melayani mereka dengan penuh kasih sayang. Mereka juga adalah sebahagian daripada anggota masyarakat kita yang turut sama perlukan perhatian dan sokongan. Janganlah kita memandang hina, mencemuh, mencaci dan meminggirkan mereka. Islam mengajar umatnya agar sentiasa menolong mereka yang mengalami musibah. Imam al-Bukhari r.h telah meriwayatkan daripada ‘Abdullah bin ‘Umar RAnhuma, bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْمُسْلِمُ أَخُو الْمُسْلِمِ لَا يَظْلِمُهُ وَلَا يُسْلِمُهُ، وَمَنْ كَانَ فِي حَاجَةٍ أَخِيهِ كَانَ اللَّهُ فِي حَاجَتِهِ،  
وَمَنْ فَرَّجَ عَنْ مُسْلِمٍ كُبْرَةً فَرَّجَ اللَّهُ عَنْهُ كُبْرَةً مِنْ كُوبَاتٍ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ سَرَّ مُسْلِمًا  
سَرَّهُ اللَّهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ.

Bermaksud: “Seorang muslim adalah saudara kepada muslim (lainnya), dia tidak menzaliminya dan tidak membiarkannya untuk disakiti. Siapa yang membantu menunaikan hajat saudaranya, Allah akan tunaikan hajatnya. Dan siapa yang hilangkan satu kesusahan seseorang muslim, maka Allah akan hilangkan satu kesusahannya daripada kesusahan-kesusahan di hari kiamat. Dan siapa yang menutup aib seorang muslim, Allah akan tutup aibnya pada hari kiamat.”

### **Sidang hadirin yang dikasihi sekalian,**

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:

**Pertama:** Islam melarang umatnya daripada menjebakkan diri dalam apa juar bentuk perkara yang mengundang kerosakan dan kebinasaan.



**Kedua:** Kita semua hendaklah berusaha menjaga diri daripada virus HIV dan penyakit AIDS dengan menghindari maksiat dan kemungkaran.

**Ketiga:** Pemimpin dan masyarakat hendaklah bekerjasama dalam menyantuni serta membantu golongan penghidap virus HIV dan penyakit AIDS agar mereka dapat menjalani kehidupan yang bermakna.

Marilah sama-sama kita hayati firman Allah SWT dalam surah al-Ra'd, ayat 11:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
لَهُ، مُعَقِّبَتُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ، يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ  
يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَ لَهُ، وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٰٰ

Bermaksud : "Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari suatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpaan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa pun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu, dan tiada sesiapa pun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya."

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالدِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ



وَلَكُمْ وَلِسَايِرُ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَأَسْتَغْفِرُهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَهْلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فِيَّا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى  
النَّبِيِّ يَسِّرِيَّا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

⑤

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي  
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.



اللَّهُمَّ أَيْدِي بِدَوَامَ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُغْ هَا مُولِيَا سِرِيْ فِدُوكْ بِكِينِدا يُغْ دِفْرِتوَانَ اْكُوغْ ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهُ اْبْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجِ أَحْمَدَ شَاهُ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ .

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُغْ هَا مُولِيَا سِرِيْ فِدُوكْ بِكِينِدا رَاجِ فِرْمَايِسُورِيْ اْكُوغْ ، تُونِكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةُ أَمِينَةُ مِيمُونَةُ إِسْكَنْدَرِيَّةُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانُ إِسْكَنْدَرُ الْحَاجِ .

اللَّهُمَّ اْحْفَظْ عُلَيْاهُ وَوْزَرَاءَهُ وَقُضَاتَهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اْجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَآمَانٍ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

يَا اللَّهُ، جَادِيَكَنَهُ كَامِي اُورُغْ ۲ يُغْ منديري肯 صلاة سِچَارَا بِرْجَمَاعَه دَانْ منونا يِكَنْ زَكَاه مِلَالُوَعيْ قُوستْ قُوَعُوتَنْ زَكَاه مِجَليْسِ اَكَامِ إِسْلَامَ وَلَاهِيْ فِرْسَكُوتَوَانْ سَرَتَا رَحْمَتِيلَه كُولُوغُنْ يُغْ منونا يِكَنْ زَكَاه. جَادِيَكَنَهُ اوْسَهَا MAIWP دَالِمْ مَثَاكِيَه كِنْ زَكَاه دَولَاهِيْ فِرْسَكُوتَوَانْ سِباُكَاهي سَاتُو لَغَكَه يُغْ بِرْكَسَنْ باُكَيْ مَلْقَسَكَنْ اَصْنَافَ دَري بِلَغَكَوْ كَمِيسَكَينَ.

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ،



إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ الْمُكَرَّمَاتِ  
وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ

٩٠

وَالْبَغْيَ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَادْعُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعِظِّلُكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.